# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

25 JULAI 2024 (KHAMIS)

Anjing Husky Kini Sihat Dalam Jagaan DVS

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Malaysia Gazette | Nasional | Online | 24 Julai |




*Anjing Husky bernama Kitster kini dalam keadaan baik. Foto media sosial*

KUALA LUMPUR – Anjing Husky yang diselamatkan daripada didera di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang dalam keadaan baik dan sihat dalam jagaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Menurutnya, DVS telah melengkapkan kertas siasatan dan kes ini telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya.

Pertuduhan kes ini akan disebut di mahkamah pada 19 Ogos 2024.

Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung keadaan anjing Husky tersebut sehingga sebutan kes dibuat di mahkamah. – MALAYSIAGAZETTE

Mahkamah Tetap 19 Ogos Dengar Kes Dera Anjing Husky

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| My Metro | Mutakhir | Online | 25 Julai |



GAMBAR fail, rakaman gambar ketika anjing baka Husky diselamatkan di sebuah kondominium di Kajang.

Putrajaya: Kertas siasatan berhubung kes dera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang sudah pun lengkap dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya, menurut kenyataan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Dalam kenyataan di sini hari ini, DVS turut memaklumkan mahkamah menetapkan 19 Ogos depan bagi mendengar kes berkenaan.

Anjing Husky itu kini berada di bawah jagaan DVS serta dalam keadaan baik dan sihat.

Susulan itu, DVS menasihati orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi berhubung keadaan anjing berkenaan sehingga kes didengar di mahkamah.

Sebelum ini, pada 4 Julai DVS dilaporkan berkata kertas siasatan dibuka untuk siasatan di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan sekiranya didapati bersalah boleh didenda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.-MYMETRO

Mahkamah Tetap 19 Ogos Dengar Kes Dera Husky

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| FMT | Tempatan | Online | 24 Julai |



*Shima Aris bersama sekumpulan penyelamat membawa anjing Husky yang didera seorang lelaki ke klinik swasta untuk rawatan. (Gambar Instagram)*

PETALING JAYA: Mahkamah menetapkan 19 Ogos ini untuk mendengar kes seorang lelaki mendera seekor anjing Husky di sebuah kondominium di Kajang, kata Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

DVS dalam kenyataan dipetik Bernama berkata, haiwan itu kini bawah jagaannya dan dalam keadaan baik serta sihat.

Jabatan itu menasihatkan orang ramai tidak membuat spekulasi berhubung keadaan anjing itu sehingga kes didengar di mahkamah.

Terdahulu, tular video seorang lelaki tidak berbaju menangkap dan memukul muka seekor anjing berulang kali di sebuah kondominium di Kajang.

Penyelamat bebas, Shima Aris dilaporkan bersama sekumpulan penyelamat ke kondominium itu untuk menuntut lelaki terbabit menyerahkan anjing berkenaan, yang dilakukannya dengan rela hati.

Pada 4 Julai lalu, DVS dilaporkan berkata, kertas

siasatan kes itu dibuka bawah Perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.- FMT

| Mahkamah Tetap 19 Ogos Dengar Kes Dera Anjing 'Husky' | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Astro Awani | Berita Malaysia | Online | 24 Julai |



*Anjing Husky itu kini berada di bawah jagaan DVS serta dalam keadaan baik dan sihat. - Gambar fail*

PUTRAJAYA: Kertas siasatan berhubung kes dera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang sudah pun lengkap dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya, menurut kenyataan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Dalam kenyataan di sini hari ini, DVS turut memaklumkan mahkamah menetapkan 19 Ogos depan bagi mendengar kes berkenaan.

Anjing Husky itu kini berada di bawah jagaan DVS serta dalam keadaan baik dan sihat.

Susulan itu, DVS menasihati orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi berhubung keadaan anjing berkenaan sehingga kes didengar di mahkamah.

Sebelum ini, pada 4 Julai DVS dilaporkan berkata kertas siasatan dibuka untuk siasatan di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan sekiranya didapati bersalah boleh didenda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.-ASTROAWANI

| DVS Completed Investigation Into Kajang Husky Abuse Case, Person To Be Charged Aug 19 | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Borneo Post | Nation | Online | 24 Julai |



*The dog is now under DVS care and is reported to be in good health. — Photo from Instagram/myforeverdoggo*

PUTRAJAYA (July 24): The Department of Veterinary Services (DVS) has completed its investigation into the abuse of a Husky dog at a Kajang condominium and submitted the findings to the deputy public prosecutor.

In a statement today, DVS said that the court has scheduled Aug 19 for the person to be charged. The dog is now under DVS care and is reported to be in good health.

DVS advises the public to refrain from speculating about the dog's condition until the case is addressed in court.

Earlier on July 4, DVS reportedly said the investigation was conducted under Section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015 (Act 772) which if convicted, the offender could face a fine of between RM20,000 and RM100,000, imprisonment for up to three years, or both. – BORNEOPOST

| Veterinary Services Dept Completes Probe Into Husky Abuse Case At Kajang Condo, Findings Now With DPP | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Malay Mail | Malaysia | Online | 24 Julai |



File picture of the abused husky dog. The Department of Veterinary Services today said that the court has scheduled August 19 for the person to be charged. — Picture via Instagram/@myforeverdoggo

PUTRAJAYA, July 24 — The Department of Veterinary Services (DVS) has completed its investigation into the abuse of a husky dog at a Kajang condominium and submitted the findings to the deputy public prosecutor.

In a statement today, DVS said that the court has scheduled August 19 for the person to be charged.

The dog is now under DVS care and is reported to be in good health.

DVS advises the public to refrain from speculating about the dog's condition until the case is addressed in court.

Earlier on July 4, DVS reportedly said the investigation was conducted under Section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015 (Act 772) which if convicted, the offender could face a fine of between RM20,000 and RM100,000, imprisonment for up to three years, or both. — MALAYMAIL

Kes Anjing Husky Didera: Pertuduhan Kes Pada 19 Ogos Depan

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Buletin TV3 | Nasional | Online | 24 Julai |




PUTRAJAYA: Pertuduhan kes membabitkan seekor anjing baka Husky yang tular didera tuannya di sebuah kondominium sekitar Kajang awal Julai lalu akan disebut di mahkamah pada 19 Ogos depan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya telah melengkapkan kertas siasatan dan kes telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya.

Anjing berkenaan kini berada di bawah jagaan DVS serta berada dalam keadaan yang baik dan sihat.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan menerima banyak pertanyaan daripada orang awam dan NGO berhubung status terkini keadaan anjing Husky yang terlibat dalam kes dera di Kajang.

"Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung keadaan anjing Husky tersebut sehingga sebutan kes dibuat di mahkamah." menurut DVS.

Sebelum ini media melaporkan satu klip video tular memaparkan seorang lelaki mendera anjing di sebuah rumah di kondominium.

Ia dirakam dari jauh oleh orang awam yang melihat kejadian itu melalui pintu kaca di bahagian balkoni.

Dalam satu lagi klip video, ia memaparkan anjing terbabit berjaya diselamatkan oleh orang awam.

Susulan itu, Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu dan mengesahkan siasatan dijalankan oleh DVS.- BULETINTV3

| Court Date For Husky Abuse Case Set On August 19 | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Harapan Daily | News | Online | 24 Julai |



The Department of Veterinary Services (DVS) said charges against the husky abuser will be formally presented in court on August 19.

DVS has completed its investigation into the abuse of a husky dog at a Kajang condominium and submitted the findings to the deputy public prosecutor.

"In response, the Department wishes to inform that the husky involved in this case is currently under DVS care and is in good and healthy condition.

"Additionally, the Department has completed the investigation report, and the case has been referred to the Deputy Public Prosecutor," DVS said via a statement.

The DVS urges the public to refrain from speculating on the dog's condition until the court addresses the case.

On July 4, the DVS announced that the investigation was being carried out under Section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015 (Act 772).

If convicted, the offender could face a fine ranging from RM20,000 to RM100,000, imprisonment for up to three years, or both.

It all began when a video of a dog being repeatedly beaten by its owner surfaced on social media.

Following the video's circulation, independent rescuer Shima Aris intervened, removing the dog and taking it to a private veterinary clinic for an examination of its injuries.

Social media posts and photos revealed that the owner had voluntarily surrendered the dog and admitted to beating it whenever it was "naughty."

Subsequently, the DVS visited the clinic and took the dog into their custody, sparking online allegations that the animal was returned to its abuser.

In actuality, DVS took the dog under its wing to care for it.

Later, the DVS issued a statement clarifying that they received an official report of the abuse on July 1 and promptly dispatched officers to the location the next day at 11 a.m.

The department also noted that the suspect's statement had been recorded, and the investigation papers would be forwarded to the Deputy Public Prosecutor's office for further action.- HARAPANDAILY

| Pertuduhan Kes Dera Anjing Husky 19 Ogos Depan | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| MG Flash | Facebook | Online | 24 Julai |




Tangkapan Skrin Berita MG Flash di Facebook

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR